



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwpkb.gov.my](http://www.kwpkb.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### PROGRAM TP1M BERI KESEJAHTERAAN KEPADA KEHIDUPAN WARGA KOTA DI SELURUH MALAYSIA

**KUALA LUMPUR, 6 April 2013** – YB. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar hari ini menghadiri Majlis Penyerahan Kerja dan Penyempurnaan Kerja Di Bawah Program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) di Kawasan Bukit Angkasa, Kuala Lumpur.

2. Sejak program ini dilancarkan pada tahun 2010, sehingga kini sebanyak **44 projek telah disiapkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 46 projek di negeri-negeri lain** seperti Johor, Melaka, Perak, Pulau Pinang dan Terengganu. Manakala sebanyak **16 projek dalam peringkat pelaksanaan dan 53 projek dalam peringkat perolehan di seluruh Malaysia**. Penubuhan TP1M ini adalah medium untuk membantu masyarakat dari segi penyelenggaraan untuk perumahan strata bagi kos rendah swasta dan kos sederhana rendah swasta di seluruh Malaysia.

3. Pada majlis ini, YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin menyerahkan **Sijil Serah Kerja TP1M bagi kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan Taman Bukit Angkasa** kepada **kontraktor-kontraktor yang telah dilantik oleh KWPKB melalui proses sebut harga terbuka**. Beliau turut menyerahkan **plaque Penyempurnaan Kerja TP1M** kepada **wakil penduduk di Taman Bukit Angkasa** menandakan kerja-kerja di bawah TP1M telah selesai dilaksanakan dengan jumlah **kos keseluruhan sebanyak RM1.8 juta**. Pelaksanaan TP1M ini turut mendapat sokongan

daripada syarikat korporat melalui **inisiatif CSR KWPKB dan Yayasan Wilayah Persekutuan** dengan jumlah keseluruhan sumbangan yang diterima oleh MC/JMB/PP di kawasan Lembah Pantai adalah sebanyak **RM49,222.00**. (Rujuk Lampiran A)

4. Adalah diharapkan dengan kewujudan TP1M ini dapat membantu meningkatkan kualiti kehidupan dan menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat di bandar-bandar seluruh Malaysia khususnya bandaraya Kuala Lumpur selaras dengan slogan TP1M iaitu 'Rumah Selesa, Rakyat Sejahtera'.

**Disediakan oleh:**

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

6 April 2013

Kuala Lumpur

**LAMPIRAN A****SENARAI MC/JMB/PERSATUAN PENDUDUK DI KAWASAN LEMBAH PANTAI  
YANG MENERIMA CSR**

<b>Bil.</b>	<b>Nama MC/JMB/PP</b>	<b>Anggaran Kos (RM)</b>	<b>Sumbangan CSR (RM)</b>
1.	Perumahan Vista Angkasa, Bukit Kerinchi (Tukar servis pintu utiliti)	112,295.00	8,200.00
2.	Perumahan Vista Angkasa, Bukit Kerinchi (Bumbung)	150,220.00	7,522.00
3.	Fasa 1, Blok 59, Taman Seri Sentosa	220,000.00	22,000.00
4.	Taman Taiping, Bangsar	215,000.00	11,500.00
<b>JUMLAH</b>			<b>49,222.00</b>